



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld. 9 / (51)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: secretary@ljt.org.my

laman web: www.ljt.org.my

22 Februari 2022

20 Rejab 1443H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PEKELILING
LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2022

BAYARAN KEMAJUAN BAGI KERJA UKUR HAKMILIK TANAH

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memperkemaskan dan menetapkan prosedur baru bagi bayaran kemajuan kerja ukur hakmilik tanah selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan 28, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 (PPJTB 2011).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan peruntukan di bawah Peraturan 28, PPJTБ 2011, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) hendaklah menyimpan dua peratus (2%) daripada fi ukur yang didepositkan untuk caj pentadbiran dan membayar kepada juruukur tanah berlesen (JTB) seperti yang berikut:
- a. Sepuluh peratus (10%) apabila menerima fi ukur
 - b. Lapan puluh lapan peratus (88%) dalam bentuk dan kaedah yang ditentukan oleh LJT dari semasa ke semasa.
- 2.2 Pada masa kini, tiada pekeliling khusus berhubung tuntutan bayaran kemajuan fi ukur hakmilik tanah. Bayaran kemajuan bagi ukur hakmilik tanah dibuat berpandukan kepada beberapa pekeliling dan surat pekeliling LJT yang mana tidak dinyatakan dalam satu pekeliling khusus sepertimana Pekeliling LJT Bilangan 2 Tahun 2016 bagi prosedur pembayaran ukur hakmilik strata.
- 2.3 Selain itu, LJT mendapati terdapat kelemahan dalam prosedur bayaran kemajuan ukur hakmilik tanah semasa yang menyebabkan berlakunya permasalahan sepertimana berikut:
- a. Bayaran kemajuan pada peringkat ketiga iaitu sebanyak 21% dibuat kepada JTB setelah Notis 2 diterima daripada JUPEM Negeri tanpa data-data ASCII ukuran dilakukan semakan kualiti (eQC) oleh JUPEM Negeri. Perkara ini telah menyebabkan terdapat kerja-kerja yang berstatus pertanyaan terutamanya yang melibatkan kerja-kerja lantikan agensi kerajaan tidak diambil tindakan segera oleh JTB walaupun 81% bayaran bagi projek tersebut telah diterima oleh mereka.
 - b. Terdapat aduan yang diterima LJT daripada JUPEM Negeri berkenaan kerja-kerja ukuran yang tidak ditanam tanda sempadan di lapangan walaupun data ASCII ukuran telah dihantar kepada JUPEM Negeri dan bayaran kemajuan sebanyak 81% bagi projek tersebut telah diterima oleh mereka.
- 2.4 Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kerja-kerja ukur hakmilik tanah yang dilaksanakan oleh JTB memenuhi syarat dan kualiti yang ditetapkan oleh JUPEM Negeri dan seterusnya proses pengeluaran Pelan Akui (PA) dapat dipercepatkan maka Mesyuarat Lembaga ke 519 pada 3 September

2021 telah meluluskan pelaksanaan pindaan prosedur bayaran kemajuan ukur hakmilik tanah oleh LJT.

3. PROSEDUR PEMBAYARAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini maka prosedur bayaran kemajuan bagi kerja-kerja ukur hakmilik tanah setelah LJT menyimpan dua peratus (2%) daripada fi ukur yang didepositkan untuk caj pentadbiran adalah sepertimana berikut :

Bil.	Peringkat Bayaran	Jumlah Tuntutan	Syarat-Syarat Kelulusan Tuntutan
1.	Peringkat Pertama	10%	Setelah pendaftaran Borang LJT 800 diluluskan oleh LJT serta pelan pra-hitungan diluluskan oleh PBN. Bagi kerja-kerja yang melibatkan agensi kerajaan/badan berkanun, salinan terma rujukan/skop kerja yang terdapat dalam kontrak/perjanjian hendaklah disertakan.
2.	Peringkat Kedua	30% (maksimum sehingga 40% sekiranya bayaran pada peringkat pertama tidak dituntut)	Kerja ukur dilapangan siap dan disahkan oleh tuan tanah dengan menggunakan Borang 14A.
3.	Peringkat Ketiga	41% (maksimum sehingga 81% sekiranya bayaran pada peringkat pertama dan kedua tidak dituntut)	JTB menandatangani PA serta Notis 3 dikeluarkan oleh JUPEM Negeri. Borang 14A hendaklah dikemukakan kepada LJT sekiranya tuntutan tidak dibuat di Peringkat Kedua.
4.	Peringkat Keempat	17% (maksimum sehingga 98% sekiranya bayaran pada peringkat pertama, kedua dan	PA diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri dan Notis 4 dikeluarkan oleh JUPEM Negeri. Bagi kerja-kerja yang melibatkan agensi kerajaan/badan berkanun,

Bil.	Peringkat Bayaran	Jumlah Tuntutan	Syarat-Syarat Kelulusan Tuntutan
		ketiga tidak dituntut)	surat pengesahan daripada agensi tersebut bahawa kerja ukuran telah disiapkan sepenuhnya berdasarkan kepada kontrak/perjanjian hendaklah disertakan semasa membuat tuntutan.

4. PELAKSANAAN

Pekeliling ini terpakai untuk semua kerja-kerja ukur hakmilik tanah yang didaftarkan di LJT. Pekeliling dan Surat Pekeliling LJT berikut adalah terbatal penggunaannya dengan berkuatkuasanya pekeling ini:

- a. Pekeliling LJT Bilangan 2 Tahun 1987
- b. Pekeliling LJT Bilangan 1 Tahun 1990
- c. Pekeliling LJT Bilangan 6 Tahun 2000
- d. Surat Pekeliling LJT Bilangan 1 Tahun 1983

5. TARIKH BERKUATKUASA


Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Mei 2022.

Sekian, terima kasih.

'WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(Sr SOHAIME BIN HJ. RASIDI)

Timbalan Pengerusi

Lembaga Jurukur Tanah

Malaysia

Salinan Kepada :

Agihan Dalaman :

Setiausaha, Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

Agihan Luaran :

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II
Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan)
Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)
Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
Presiden Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)